

06/01/2002

Usah salahkan Malaysia (HL)

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA: Malaysia tidak boleh dipersalahkan terhadap 'Tragedi 11 September' di Amerika Syarikat kerana tidak menangkap dua orang yang disyaki terbabit ketika mereka berada di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, mereka memasuki negara ini pada Januari tahun lalu sebagai pelancong biasa.

"Mana kita tahu (mereka itu pengganas), kalau Boeing tak buat kapal terbang atau pilot (juruterbang) sakit perut dan tidak jadi bawa kapal terbang, tak jadi juga peristiwa itu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis rumah terbuka Aidilfitri Kementerian Luar di Wisma Putra di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas berita yang disiarkan Berita Harian Singapura kelmarin yang memetik laporan majalah Jane's Intelligence Review bahawa serangan terhadap Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington boleh dielakkan jika Malaysia menangkap kedua-dua pengganas terbabit ketika mereka berada di negara ini.

Dua lelaki itu, Khalid al-Mihdhar dan Nawaf Al-Hazmi, yang dikatakan terbabit dalam serangan itu, dikesan berada di negara ini pada 5 hingga 8 Januari tahun lalu.

Bagaimanapun, Malaysia ada menyerahkan pita video mengenai pergerakan Khalid kepada Agensi Perisikan Pusat (CIA) dan Amerika mengetahui perkara itu, tetapi pegawai imigresennya gagal menangkap atau menyekat kemasukannya.

Dr Mahathir berkata, berita seumpama itu seolah-olah sengaja mahu mencari masalah dengan Malaysia sambil menambah: "Kita pun boleh buat tuduhan macam itu.

"Orang itu datang ke sini sebagai pelancong. Takkan kita nak tanya dia awak pengganas ke...tentu dia jawab tidak.

"Bila dia datang sini kita anggap dia sebagai pelancong, melainkan ada bukti dia pengganas baru kita tangkap," katanya.

Ditanya sama ada Malaysia menjadi pangkalan pengganas, Dr Mahathir berkata, bukan saja Malaysia, malah mana-mana negara pun boleh terdedah kepada kemungkinan itu.

"Orang ini bukannya kita kenal, sepertimana kita memerangi pengganas komunis dulu, siang hari dia jadi ahli perniagaan atau penjaja, malam dia jadi pengganas," katanya.

Mengenai penangkapan anggota Kumpulan Militan Malaysia (KMM), Perdana Menteri berkata, kerajaan akan terus memburu saki-baki anggota kumpulan itu kerana mereka amat berbahaya.

Beliau berkata, pihak polis sudah tentu memperoleh bukti yang cukup sebelum menangkap 13 anggota sayap kedua KMM itu dalam operasi terbaru polis sejak 9 Disember lalu hingga kelmarin.

"Kita mesti teruskan usaha memburu mereka kerana kita tahu walaupun di Malaysia mereka belum buat sesuatu...walaupun mereka sudah bunuh orang, tetapi di Indonesia, kita tahu mereka sudah meletupkan bom.

"Kalau dia boleh letupkan bom di Indonesia, dia boleh letupkan bom di sini juga," katanya.

Kelmarin Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, memberitahu sidang akhbar di Bukit Aman bahawa kumpulan itu diketuai tiga rakyat Indonesia yang mempunyai taraf pemastautin tetap negara ini.

Lelaki berusia 23 hingga 48 tahun itu yang termasuk seorang pensyarah

Universiti Teknologi Malaysia (UTM), ditahan dalam serbuan di empat negeri iaitu Kedah, Selangor, Kuala Lumpur dan Johor, mengikut Seksyen 73 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) bagi membolehkan polis menahan selama 60 hari bagi membantu siasatan.

Mereka dipercayai anggota sayap kedua KMM kerana tiga warga Indonesia yang diburu polis ekoran pembongkaran KMM pada Mei tahun lalu turut menjadi dalang.

Dr Mahathir berkata, jika polis dapat membuktikan mereka terbabit dalam kegiatan keganasan, maka kerajaan mesti mengambil tindakan yang sama dan tidak boleh mengambil tindakan hanya kepada orang tertentu saja.

Katanya, tindakan itu tidak akan menjejaskan nama baik Malaysia, malah ia jelas menunjukkan kerajaan menepati janjinya untuk mengambil tindakan terhadap pengganas.

"Ini menunjukkan kita tegas. Kalau kita janji kita akan ambil tindakan terhadap pengganas...tak peduli kalau pengganas itu orang kita ke, orang lain masuk negara kita dan (buat) kacau, kita tentang," katanya.

(END)